

BOIKOT MCDONALD: HUKUM PERLAKSANAANYA DI MALAYSIA DAN KESAN TERHADAP GUNA TENAGA

Siti Aisyah Zakaria, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid

Abstrak

Hari demi hari, penindasan terhadap umat Islam di seluruh dunia lebih-lebih lagi Palestin, Iraq, Syria, dan Afghanistan yang melibatkan Israel kian memuncak. Seruan untuk memboikot barangan Israel telah dikeluarkan oleh ulama-ulama dari Timur Tengah, malah sesetengah ulama' telah memfatwakan bahawa wajib bagi umat Islam memboikot barangan Israel. Antara jenama yang tersenarai dalam perniagaan yang akan diboikot adalah McDonald, yang dikatakan turut terlibat dan menyumbang kepada ekonomi dan guna tenaga di Malaysia. Namun ia sering dipersoalkan dari sudut hukum yang sewajarnya dan kesan perekonomian khususnya di Malaysia. Adakah wajib memboikot dan jika ini dilakukan apakah kesannya kepada ekonomi guna tenaga dan pengangguran serta pembangunan produk hiliran tempatan yang berkaitan? Lantaran itu objektif kajian ini adalah untuk menilai hukum pemboikotan barangan Israel khususnya McDonalds dengan menilai kesesuaian pengaplikasian dan apakah kesannya kepada ekonomi Malaysia. Kajian dilaksanakan menggunakan kaedah fiqh untuk meneliti hukum pengaplikasian di Malaysia dan turut menggunakan kaedah deskriptif untuk mengenalpasti dan menganalisis kesan pemboikotan terhadap jumlah pengangguran dalam negara. Dapatan kajian merumuskan bahawa pemboikotan ini tidaklah wajib dilaksanakan tetapi sekadar sebatas anjuran kerana pada dasarnya hukum berjual beli dengan orang bukan Islam termasuk Yahudi adalah harus disamping pembuktian yang tidak cukup kukuh tentang penglibatan McDonalds dalam memerangi umat Islam. Analisis juga mendapati pemboikotan ini jika dilakukan hanya memberi sedikit kesan negatif kepada guna tenaga dan pengangguran, malah memberi kesan positif terhadap industry hiliran dalam negara.

Kata kunci: *Boikot barangan Israel, McDonalds, perisa tempatan.*

PENGENALAN

Peristiwa penindasan terhadap umat Islam bukanlah satu perkara baharu, malah ianya telah terjadi sejak zaman para rasul dan nabi dengan pelbagai keadaan. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan redha kepadamu sehingga kamu mengikuti agama mereka"- (Al-Baqarah:120)

Sehingga kini negara-negara Islam seperti Iraq, Syria, Afghanistan, Rohingya, dan sebagainya tidak pernah sunyi daripada berita pergolakan dan penindasan yang berpanjangan dan meragut ribuan nyawa.

Pada Julai 2014, dunia sekali lagi dikejutkan dengan kekejaman rejim zionis yang terus menginjak bumi Palestin. Dilaporkan, lebih 2000 penduduk Palestin yang terdiri daripada wanita dan kanak-kanak tidak berdosa telah terkorban akibat serangan rejim zionis di bumi Gaza. Dianggarkan Palestin menanggung kerugian antara AS\$4 Bilion (RM12.8 bilion) hingga AS\$6 bilion (RM19.2 bilion) akibat kemusnahan ekoran serangan tentera Israel ke atas Gaza selama lebih sebulan. Bahkan, hak rakyat Palestin untuk meneruskan kehidupan di tanah air mereka sendiri terus dinafikan dan usaha pemulauan terus dilakukan walaupun pelbagai usaha dilaksanakan untuk mengekangannya. Ekoran daripada itu, timbul desakan demi desakan masyarakat dunia Islam agar bersama-sama melakukan boikot terhadap produk-produk keluaran Israel dan sebarang perhubungan dengan negara tersebut.

Para ulama Hamas, Al Ikhwanul Muslimin dan berbagai organisasi Islam di Timur Tengah telah menyeru umat Islam untuk melakukan pemboikotan terhadap produk-produk Israel dan produk-produk negara yang menyokong Zionis Israel. Demikian juga yang telah dikatakan oleh Syeikh Yusuf Qardawi yang telah mengeluarkan fatwa bahawa haram hukumnya umat Islam membeli produk dan barang dagangan Yahudi dan Amerika. Beliau menganggap bahawa tindakan tersebut adalah satu dosa besar kerana umpama turut memberi sumbangan kepada pihak Israel untuk terus membedil saudara-saudara seislam di Palestin. Menurut beliau lagi, boikot seperti ini adalah bertujuan memberikan tekanan kepada pengusaha dan peniaga yang seangkatan dengan pihak Israel agar mereka sendiri mendesak kerajaan mereka kepada keamanan dan membenci tindakan kerajaan dan rakan seagama mereka yang melakukan kejahatan terhadap Islam. Ianya juga dijangka dapat memberikan kesan ekonomi yang buruk kepada negara mereka sekaligus membantutkan hasrat mereka untuk meneruskan kejahatan dan serangan terhadap Palestin. Pemboikotan ini merupakan satu usaha untuk melawan zionisme antarabangsa yang telah menguasai dunia Islam. Jika seluruh umat Islam bersatu padu dalam usaha

ini, ianya bakal menggugat sendi-sendi perekonomian Israel kerana peperangan ini bukan sahaja melibatkan senjata, malah melibatkan semua sisi termasuk penguasaan ekonomi.

Namun andai dilihat dengan lebih teliti, ekonomi negara Malaysia banyak bergantung kepada produk-produk yang berkaitan atau turut menyumbang kepada ekonomi Israel termasuklah di dalam *industry francais*. Di Malaysia, *industri franchais* yang merangkumi sektor makanan segera lebih banyak dipelopori oleh *francais* dari luar negara dan paling membimbangkan, kebanyakan produk-produk ini dikatakan mempunyai kaitan rapat dalam menyokong dan memberi sumbangan kepada Israel. Antara produk yang dibuktikan mempunyai perkaitan rapat dengan Israel adalah McDonalds, Starbuck, 7eleven, Burger King, Pizza Hut, dan sebagainya.

PERNYATAAN MASALAH

Kempen boikot ini secara khusus disasarkan kepada 4 produk terutama McDonalds, Coke, Nestle, dan Loreal. Hal ini adalah demikian kerana ianya merupakan syarikat yang paling banyak menyumbang kepada Israel sehingga dikatakan telah mendapat anugerah "Friends of Israel". Selain itu, produk-produk ini turut menjadi sasaran utama boikot kerana ianya merupakan produk yang dilanggan dan menjadi kegemaran hampir majoriti masyarakat dalam dan luar negara. Pemboikotan produk-produk ini dijangka akan memberi impak yang lebih optimum kepada ekonomi pihak Israel sekali gus menjayakan kempen. Namun, timbul beberapa isu dan persoalan yang perlu diambil perhatian.

Pertama, wajarkah pemboikotan ini dilaksanakan di Malaysia dari segi hukum dan keadaan semasa di Malaysia. Terdapat kekeliruan dalam kalangan masyarakat tentang hukum boikot ini sendiri sama ada ianya memang wajib dilaksanakan di dalam negara seperti yang dinyatakan oleh ulama-ulama dari timur tengah setelah mengambil kira pelbagai faktor seperti kesan pengaplikasiannya di dalam negara dan kepentingan masyarakat di Malaysia. Tidak dinafikan sama sekali bahawa umat Islam perlu melakukan sesuatu jika Yahudi atau lain-lainnya melakukan suatu jenayah, kebiadapan mahupun penindasan terhadap Islam. Umat Islam perlu bersatu padu dan bergabung kekuatan bagi memberikan pengajaran kepada mana-mana pihak yang memulakan kejahatan terhadap Islam. Namun, masyarakat juga harus tahu dan dapat membezakan antara hukum dan keutamaan. Hal ini demikian kerana hukum asal *urusniaga* dengan Non-Muslim termasuk Yahudi dan semua syarikatnya adalah halal selagi transaksi yang dibuat menurut syarat jual beli Islam. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mencari penjelasan yang lebih kukuh dan mendalam untuk menjelaskan dalil-dalil keutamaan dan hukum boikot itu sendiri.

Permasalahan kedua, seandainya negara Malaysia mengaplikasikan pemboikotan ini dengan mengekang sebarang transaksi yang melibatkan syarikat-syarikat ini, ataupun sekiranya pemboikotan ini menyebabkan cawangan-cawangan McDonalds ditutup, berkemungkinan ianya akan menjejaskan jumlah guna tenaga dan meningkatkan kadar pengangguran dalam negara. Memandangkan produk McDonalds yang dipasarkan di dalam negara ini adalah diproses dan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat atau cawangan dalam negara. Oleh itu, dikhuatiri perlaksanaan kempen ini akan menyebabkan kerugian kepada *franchais* perniagaan berkenaan dan tenaga buruh dalam industri ini akan kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan sekali gus boleh meningkatkan kadar pengangguran dalam negara. Jika ianya berlaku, maka kempen ini akan memberi kemudharatan kepada masyarakat di Malaysia sendiri. Kajian ini penting untuk mengetahui sama ada pemboikotan ini benar-benar akan memberi kesan buruk kepada guna tenaga dan pengangguran. Pengkaji juga akan mengenalpasti jumlah guna tenaga yang akan terjejas akibat daripada pemboikotan ini dan kerugian yang akan McDonalds Corp alami.

Permasalahan ketiga pula, seandainya pemboikotan ini benar-benar menjejaskan jumlah guna tenaga di Malaysia dan memberi kesan buruk kepada masyarakat dan ekonomi negara, apakah wujud alternatif lain untuk mengawal atau mengurangkan kesan daripada pemboikotan ini. Kajian ini akan memastikan sama ada alternatif ini mampu menampung pengurangan tenaga buruh yang bakal berlaku dan membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Oleh itu, pengkaji akan mengenalpasti beberapa produk makanan segera yang dibangunkan oleh masyarakat muslim tempatan dan potensinya untuk menyelesaikan masalah pengurangan tenaga buruh dan pengangguran akibat pemboikotan ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjawab persoalan-persoalan ini, maka objektif kajian telah diputuskan untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Menenalpasti hukum dan menilai kewajaran pengaplikasian boikot di Malaysia.
- b) Mengkaji adakah pemboikotan syarikat McDonalds akan memberi kesan ke atas guna tenaga dan pengangguran dalam negara.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dilakukan berkaitan dengan kempen boikot yang kian mendapat perhatian ramai ini. Antara fokus kajian adalah hukum dan dalil boikot dan pengaplikasiannya, impak tindakan ini ke atas masyarakat, dan potensi produk-produk tempatan untuk menggantikan McDonalds atau perniagaan franchais luar negara.

Walaupun terdapat beberapa ulama dari Arab Saudi mengeluarkan kenyataan bahawa boikot hanya boleh dilakukan dengan perintah kerajaan, tetapi majoriti ulama menyokong pemboikotan itu sebagai satu tindakan yang paling wajar dalam menghadapi keganasan Zionis di Israel. Oleh itu, boikot yang dilaksanakan dalam perdebatan undang-undang islam ini adalah wajib. Akan tetapi, dalam konteks perlaksanaan ianya perlu dilakukan dengan betul dan mempertimbangkan status sosioekonomi semasa dan keupayaan sebenar umat islam di peringkat global mahupun tempatan. Undang-undang ini adalah dalam peringkat perlaksanaan terutamanya di Malaysia. Oleh itu, ianya memerlukan aspek penyesuaian di seluruh dunia islam untuk mengelakkan daripada kemudharatan yang lebih besar kepada seluruh dunia islam (Mahmud Zuhdi, 2012).

Untuk jenama asing terutama dari syarikat-syarikat Amerika yang menyokong rejim Israel tetapi dengan pemilikan francais tempatan, terdapat banyak pertimbangan yang perlu dibuat dalam mengenakan boikot ini. berdasarkan asas tindakan mafhum mukalah (kaedah songsang) yang diambil, mengatakan bahawa apa-apa yang tidak boleh diambil secara keseluruhan, tidak semuanya ditinggalkan. Kaedah ini memperkatakan bahawa pembelian dan penggunaan mana-mana produk daripada pengeluar atau pengilang yang memegang francais syarikat-syarikat asing yang menaja rejim Zionis harus dikurangkan dan dielakkan. Namun, bagi pemegang syarikat francais, mereka perlu secara beransur-ansur mencari alternatif untuk menggantikannya dengan perniagaan lain atau mengambil alih pemilikan syarikat itu sebagaimana yang telah dilakukan oleh Johor Corporation melalui pegangan saham dalam anak syarikat Kulim (Anas bin MohdYunus et. al, 2013).

Sebilangan besar organisasi pendidikan dan ulama islam telah mengeluarkan fatwa bahawa memboikot Israel adalah perkara yang wajib dilakukan oleh umat islam sejagat. Fatwa daripada Rabithah ulama Palestin menyatakan bahawa ianya adalah merupakan satu kewajipan bagi negara dan agama untuk menggunakan apa-apa cara yang sah untuk melawan musuh, termasuklah memboikot barangan Israel atau mana-mana organisasinya yang diketuai oleh Amerika Syarikat. Mana-mana pembelian dianggap akan menyumbang kepada peluru yang membunuh rakyat Palestin. Pembelian barangan dan produk dari mereka adalah merupakan satu kesalahan yang besar dan dilarang dalam undang-undang Islam (Jabjah Ulama al-Filastin, 2011).

Seorang professor daripada Universiti Azhar telah menegaskan bahawa boikot ini merupakan satu kewajipan dalam islam sebagai sebahagian daripada bukti ketaatan kepada Allah dan Rasul dan ianya telah dipersetujui oleh para ulama. Setiap individu islam yang beriman kepada Allah sebagai tuhan dan islam sebagai agamanya mesti berpendirian bahawa boikot ini adalah merupakan satu ibadah yang dilakukan demi Tuhan yang maha Agung (Husin Shahatah, 2011).

Dr Yusuf al-Qaradawi (2011) menyatakan bahawa umat Islam diperintahkan untuk melawan musuh-musuh agama dan negara dengan segala kekuatannya, sama ada dengan kuasa, secara lisan, hati, dan juga melalui pemulauan atau boikot. Apa-apa sahaja yang boleh melemahkan musuh dan menundukkan mereka hendaklah dilaksanakan. Setiap individu muslim perlulah memikul tanggungjawab ini dan tidak boleh melindungi atau membantu musuh sama ada Yahudi, pihak nasionalis, dan lain-lain. Apa-apa tindakan yang dibuat untuk membantu orang-orang kafir yang memudaratkan orang islam boleh menjuruskan seseorang itu untuk murtad. Oleh yang demikian, individu muslim perlu bekerja keras untuk memboikot seandainya mereka tidak mampu untuk mengangkat senjata. Tanpa alternative boikot ini, ianya akan membantu pertumbuhan ekonomi dan perniagaan mereka dengan ketara apabila setiap sen yang diberikan kepada mereka bermakna satu tajaan untuk setiap peluru yang menembusi dada dan hati umat islam. Ini adalah merupakan satu titik permulaan bagi orang-orang Yahudi Amerika yang menggunakan slogan "*Your money donation means you kill Arabs*" dalam usaha pemungutan dana di Amerika. Malahan, pembebasan mana-mana negara Islam daripada musuh adalah diwajibkan ke atas rakyat negara itu dan negara-negara Islam di kawasan tersebut lebih-lebih lagi apabila ianya melibatkan kiblat pertama umat Islam, Masjid Al-Aqsa. Jihad ini adalah wajib ke atas umat Islam dari timur ke barat. (Al-Qaradawi, 2007)

Pandangan yang sedikit berbeza, Syaikh al-Akkam (2011) mempunyai perspektif lain yang lebih meluas selain daripada kewajipan untuk memboikot barangan Israel dan Amerika. Bagi beliau, ianya tidak hanya berakhir disitu, malah sebaliknya umat islam perlu memboikot semua produk melainkan produk daripada mereka sendiri. Umat islam lebih wajar mengeluarkan produk mereka sendiri dan ini adalah erti boikot yang sebenar-benarnya. Situasi atau keadaan ini adalah tetap sama walaupun polisi yahudi dan Amerika atau yang lainnya berubah atau tidak.

Bagi mengenalpasti potensi produk tempatan sebagai produk alternative untuk menggantikan produk yang diboikot seperti McDonalds khususnya, menurut Presiden Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas) Mohd Ridzuan Abdullah, jika sebelum ini masyarakat terdorong untuk membeli burger McDonald's, tetapi kini mereka mempunyai banyak pilihan lain seperti burger Ramly, Mat Salai, Radix Fried Chicken, dan sebagainya. Menurut beliau lagi, jika sebelum ini produk tempatan juga mempunyai kualiti tinggi, malah setanding dengan barangan import lain, maka tidak salah jika masyarakat bertukar kepada produk tempatan, sekali gus ia mampu menjana ekonomi negara ke tahap yang lebih baik. Jelasnya, bagi tempoh sekarang ini, pihaknya telah mengenal pasti hampir 100 produk makanan alternatif yang boleh digantikan dengan produk Israel.

Menurut Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Mohamad Alayuddin Che Hasan pula, dengan tindakan memboikot secara berterusan akan menyebabkan pendapatan Amerika Syarikat (AS) yang kebanyakan pemilik perniagaan di negara tersebut adalah Yahudi akan terjejas. Hal ini akan mengubah sikap AS untuk mengkaji semula perbuatan Israel terhadap Palestin, sekali gus dapat menghentikan kekejaman yang dilakukan. Beliau yang juga turut merupakan aktivis pertubuhan kemanusiaan Palestin, Aqsa Syarif berkata, pekerja yang mencari sumber rezeki di syarikat yang berhubungan dengan Yahudi tidak perlu bimbang jika hilang pekerjaan di syarikat tersebut akibat boikot. Hal ini demikian kerana industri pengeluar di Malaysia mampu berdiri sendiri tanpa mengharap syarikat luar. Melihat kepada perkembangan industri penghasilan produk di negara ini yang setaraf antarabangsa termasuk dalam bidang makanan, kosmetik dan teknologi, diyakini bahawa ianya mencukupi buat Malaysia daripada terus bergantung kepada syarikat luar terutamanya milik Yahudi.

Demikian juga pandangan Syaikh habeb `Ali (2011) yang menegaskan bahawa boikot tidak hanya terhad pada itu malah hendaklah berorientasikan pembinaan masyarakat islam dan seterusnya diikuti dengan pengeluaran produk-produk sendiri sebagai alternative atau pengganti kepada produk Yahudi. Selain itu, Shaykh Muhammad Hasan al-Dari`i (2011) menjelaskan bahawa umat islam perlu melaksanakan boikot ini dengan sepenuh hati dan keyakinan dalam menyokong pemboikotan gelagat atau gaya hidup Yahudi, dan boikot ekonomi dengan tidak melakukan apa transaksi atau urusaniaga dengan pembelian, pengedaran, pengiklanan, atau memudahkan apa-apa transaksi dengan mereka.

Namun begitu, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa pemboikotan ini tidak relevan untuk dilaksanakan oleh umat islam sejagat. Menteri Belia Dan Sukan di Malaysia, Khairy Jamaluddin contohnya merupakan salah seorang daripada mereka. Beliau menyatakan bahawa tindakan memboikot produk-produk tertentu ini sebagai sesuatu yang tidak rasional. Menurut beliau lagi, adalah sukar untuk menentukan jika sesuatu produk itu benar-benar dari Israel. Malahan, rakyat Malaysia sendiri yang akan terkesan hasil tindakan boikot ini. Sebagai contoh, McDonald yang beroperasi di Malaysia mendapatkan sumber bahan mentah daripada pembekal di dalam negara sendiri dan mengupah tenaga buruh dari dalam negara. Oleh itu, ramai pekerja dan pembekal akan kehilangan pekerjaan dan mengalami kerugian.

Boikot produk daripada yahudi adalah tidak relevan kerana tiada sebarang bukti secara bertulis dan penghebahan rasmi syarikat bahawa mereka membantu dan menyumbang khas kepada serangan ke atas Islam, yang mana ia dibuat atas nama syarikat dan bukan salah seorang individu dalam syarikat sahaja. Oleh itu, hukum bermuamalah adalah harus seperti mana hukum asas berjual-beli dengan orang bukan islam (Zaharuddin, 2007). Dalam konteks Malaysia, boikot ke atas KFC adalah tidak sesuai dilaksanakan memandangkan keadaan kewangan masyarakat islam di Malaysia yang belum cukup kukuh (Anas bin Mohd Yunus et. al 2013). Menurut pendapat dari al-Syeikh 'Abdul Rahman bin 'Abdullah bin al-'Ajlal pula, hukum memboikot produk (barangan) Yahudi dan Amerika adalah tidak dibenarkan di dalam Syara', kerana beliau mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak memboikot barangan Yahudi yang berada di Madinah.

Walaupun sudah terdapat kajian yang dibuat mengenai hukum boikot terhadap barangan ataupun produk ini, ianya adalah lebih berkisar kepada keadaan, situasi dan persepsi ulama' dari timur tengah. Malahan, produk-produk yang dikenalpasti tersebut mempunyai bukti yang cukup kukuh terhadap penglibatannya dalam menyumbang kepada Israel untuk menyerang dan menindas umat Islam di Palestin khususnya. Oleh itu, lompong kajian yang dikenalpasti adalah hukum pemboikotan ini dilaksanakan di Malaysia dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan kesan pengaplikasiannya kepada masyarakat dalam negara. Lebih-lebih lagi pemboikotan ini sendiri tidak digalakkan oleh pemerintah negara. Selain itu, kajian ini turut dilaksanakan untuk menganalisis sumbangan McDonalds Malaysia terhadap guna tenaga dalam negara dan kesan yang bakal berlaku terhadap jumlah pengangguran sekiranya boikot ini dilaksanakan.

METODOLOGI

Sampel Kajian

Kajian ini lebih menfokuskan kepada industri francais makanan segera di Malaysia dan penelitian lebih menjuruskan kepada McDonalds yang beroperasi di dalam negara. Selain itu, penulis juga turut menganalisis peratusan guna tenaga yang terlibat sebagai pekerja di cawangan McDonalds seluruh negara dan menganalisis kadar perubahan pengangguran dan kadar penyertaan tenaga buruh yang berlaku di Malaysia sekiranya pemboikotan ini dilaksanakan.

Instrumentasi Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan adalah dengan menggunakan data-data sekunder yang diperoleh daripada pembacaan jurnal-jurnal penyelidikan, majalah-majalah dan buku-buku yang terdapat di Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, akhbar, pamphlet, portal, dan risalah-risalah dari laman sesawang. Data turut diperoleh daripada laporan tahunan McDonalds Corp, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, dan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang diambil daripada tahun 2012 sehingga 2014.

Kaedah Analisis

Dalam teknik penganalisis data, pengkaji menggunakan kaedah fiqh untuk menilai hukum dan dalil boikot, dan kaedah deskriptif bagi mengkaji peratusan sumbangan tenaga buruh yang bekerja di McDonalds, impak pemboikotan McDonalds terhadap guna tenaga dan pengangguran, dan potensi penggantian kepada produk tempatan.

Analisis Usul Fiqh Dan Kaedah Fiqh (Qawaid Fiqhiyah)

Kaedah Fiqh adalah suatu ilmu yang berkaitan penjelasan tentang hukum-hukum yang umum. Ianya boleh ditakrifkan sebagai hukum syarak secara keseluruhan yang merangkumi pelbagai masalah hukum fiqh. Terdapat pelbagai kaedah fiqh yang telah diperkenalkan oleh para ulama' bagi menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang kian timbul saban hari. Kaedah yang dikaji adalah lebih kepada penggunaan rangka Fiqh al-Waqi' (Fiqh berdasarkan realiti).

Dr. Yusuf Qaradawi menjelaskan Fiqh al-Waqi' sebagai ilmu pengetahuan untuk mengenalpasti manfaat dan kemudharatan sesuatu perkara. Beliau menegaskan bahawa perubahan undang-undang boleh berlaku sekiranya berlaku perubahan keadaan. Dalam definisi yang lebih terperinci, Dr. Nasir al-Umar menyatakan bahawa Fiqh ini merupakan bidang yang membincangkan keadaan semasa perundangan dari segi faktor-faktor yang memberi kesan kepada masyarakat, negeri, psikologi yang boleh menimbulkan penyelewengan iman, dan juga perlindungan terhadap kemajuan individu dan masyarakat Islam semasa dan pada masa akan datang.

Kaedah-kaedah yang diperkenalkan jelas memberi impak yang positif dalam memelihara kemaslahatan ummah kini. Metodologi ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah usul fiqh dan kaedah fiqh.

Kaedah Usul Fiqh

Kajian dilaksanakan menggunakan usul fiqh Al Maslahah al Mursalah (المصلحة المرسله) yang bermaksud kesejahteraan umum. Teori al Maslahah al-Mursalah dalam Ilmu Usul Fiqh ini merupakan salah satu pemecahan masalah yang berkaitan dengan fenomena-fenomena baru yang terjadi dalam masyarakat. Antara dalil pensyariatannya adalah:

وتوضيح هذا التعريف أن تشريع الأحكام ما فقد به إلا تحقيق مصالح الناس، أي جلب نفع لهم أو دفع ضرر أو رفع حرج عنهم وأن مصالح الناس لا تنحصر جزئياتها، ولا تنتهي أفرادها وإنما تتجدد بتجدد أحوال الناس وتتطور باختلاف البيئات وتشريع الحكم قد يجلب نفعاً في زمن وضرراً في آخر، وفي الزمن الواحد قد يجلب الحكم نفعاً في بيئة ويجلب ضرراً في بيئة أخرى.

Ertinya, "pembentukan hukum itu tidak dimaksudkan kecuali merealisasikan kemaslahatan umat manusia. Dengan kata lain, ianya mendatangkan keuntungan bagi mereka dan menolak sebarang mudharat serta menghilangkan kesulitan daripadanya. Dan bahawasanya kemaslahatan umat itu tidak terungkap bahagian dan individu-individu yang terlibat. Masalah ini menjadi baru seiring pembaharuan yang berlaku terhadap keadaan umat manusia, dan berkembang menurut perkembangan lingkungan. Sedangkan pembentukan hukum itu, terkadang mendatangkan keuntungan pada suatu zaman dan mendatangkan mudharat pada zaman yang lain. Pada suatu zaman, hukum itu terkadang mendatangkan keuntungan bagi suatu lingkungan dan sebaliknya mendatangkan mudharat bagi lingkungan lainnya" (Abdul Wahhab Khallaf, 1996).

Dalam ilmu usul fiqh, dalil yang menyebutkan landasan boikot tidak disebutkan secara nyata, namun ianya lebih dinyatakan secara tersirat. Masalah mursalah adalah masalah yang tiada dalil khusus mengiktirafnya sama ada menerima atau menolak. Ia merupakan antara bentuk yang paling sesuai bagi menggambarkan nilai fleksibiliti perundangan Islam. Teori *al-Maslahah al-Mursalah* dalam Ilmu Usul Fiqh ini merupakan salah satu pemecahan masalah yang berkaitan dengan fenomena-fenomena baru yang terjadi dalam masyarakat. Masalah manusia dalam kehidupan ini tidak terbatas dari segi jenis dan jumlahnya. Ia selalu bertambah dan berkembang mengikut situasi masyarakat. Sesetengah masalah ada yang tetap dan berubah-ubah. Ini bermakna syariat Allah memandang masalah ini dengan teliti, dengan mengambil kira kemaslahatan sesebuah masyarakat.

Antara fatwa kontemporari pada hari ini yang menggunakan masalah mursalah adalah berkenaan dengan hukum boikot. Dalam bab boikot, tiada sebarang nas yang membolehkan atau melarang perbuatan itu. Oleh yang demikian, bagi mereka yang mengatakan tidak bersetuju ataupun haram untuk memboikot produk Yahudi dan Amerika, bermakna mereka telah menggunakan dalil bahawa asal sesuatu itu adalah harus (berjual-beli/bermuamalah) sehingga ada dalil yang menyatakan sebaliknya. Namun begitu, melihat kepada kemudharatan yang dibawa oleh Yahudi terhadap Palestin, ramai ulama yang memfatwakan wajib memboikot produk Yahudi dan Amerika sebagai tanda sokongan terhadap saudara seislam dan untuk memberi tekanan kepada pihak Yahudi bagi menghentikan penindasan dan kemudharatan terhadap rakyat Palestin. Dalam kes ini, jelas penggunaan masalah mursalah sebagai dalil pengeluaran hukum boikot dengan matlamat untuk menjaga nyawa, diri dan harta umat Islam di Palestin dan keseluruhannya.

Kaedah Fiqh

Kaedah fiqh am merupakan satu kaedah umum yang merangkumi lima kaedah asas yang dipersetujui oleh jumhur ulama' contohnya Setiap perkara dinilai berdasarkan niat (الأمر بمقاصدها), Keyakinan tidak hilang dengan keraguan (اليقين لا يزال بالشك), Kesukaran membawa kemudahan (المشقة تجلب التيسير), Bahaya mesti dihapuskan (الضرر يزال), dan Adat dijadikan hukum (العادة محكمة).

Dalam kitab Usul Fiqh, disebutkan beberapa dalil yang boleh menguatkan tindakan pemboikotan yang telah dilaksanakan oleh beberapa ulama dan pengkaji islam, antara dalilnya adalah:

الضَّرُّ يُزَالُ

Ertinya, "Mengutamakan kepentingan lebih besar, berbanding kepentingan yang lebih kecil"

Kedua, kaedah fiqh mengatakan:

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Ertinya, "Mencegah kerosakan itu di dahulukan daripada membuat kebaikan"

lanya turut menyebut:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Ertinya, "Kebijakan pemimpin, harus dikaitkan dengan kepentingan rakyat"

مَا لَا يُدْرِكُ جَلُّهُ لَا يُتْرَكُ جَلُّهُ

Ertinya, "sekiranya tidak mampu untuk melaksanakan semuanya, maka janganlah ditinggalkan semuanya"

Pengkaji lebih memilih untuk menggunakan kaedah "Bahaya mesti dihapuskan" (الضرر يزال).

Seperti yang dikatakan oleh Izzuddin Ibn Abd al-Salam, bahawa tujuan syariah itu adalah untuk meraih kemaslahatan dan menolak kemafsadatan (kerosakan). Kaedah tersebut kembali kepada tujuan untuk merealisasikan maqashid al-syari'ah dengan menolak yang mafsadah, dengan cara menghilangkan kemudharatan atau setidaknya meringankannya. Ianya sekali gus boleh dirujuk mengenai pemboikotan yang sedang digesa oleh kebanyakan para ulama' kini.

Turut terdapat hadis Nabi yang menjadi dasar kaedah ini, diantaranya:

حَرَّمَ اللَّهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ دَمَهُ وَمَالَهُ وَعَرْضَهُ وَأَنْ لَا يَظُنَّ إِلَّا الْخَيْرَ

"Allah mengharamkan dari orang mukmin, darahnya, hartanya dan kehormatannya, dan tidak bersangka-sangka kecuali dengan sangkaan yang baik." (HR. Muslim).

Berdasarkan kaedah ini, pengkaji akan merujuk pendapat-pendapat para ulama dan memadankan dengan kaedah yang dipilih bagi kesimpulan hukum yang dipersetujui.

Analisis Deskriptif

Statistik deskriptif adalah sebahagian daripada statistic yang mempelajari alat, teknik, atau procedure yang digunakan untuk menggambarkan atau mendeskripsikan kumpulan data atau hasil penilaian yang telah dilakukan. Kegiatan-kegiatan tersebut antara lain adalah kegiatan pengumpulan data, pengelompokan data, penentuan nilai, dan fungsi statistik, pembuatan grafik, diagram, dan rajah.

Kaedah ini menumpukan perhatian kepada permasalahan yang ada dengan memberikan gambaran yang sebenar sejauh mana pembolehubah bebas tersebut mempengaruhi dapatan kajian. Ianya menggambarkan fakta tentang permasalahan yang dikaji dan diikuti oleh interpretasi yang seimbang. Penelitian secara deskriptif bukan sahaja memberikan gambaran terhadap fenomena-fenomena, tapi juga menerangkan hubungan, menguji hipotesis, membuat prediksi serta mendapatkan makna dan implikasi daripada permasalahan kajian.

Gazalba (1981) pula menerangkan bahawa penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah bersifat umum. Kaedah ini hanya membolehkan pengkaji memahami keseluruhan skop kajian dengan sampel yang kecil. Data yang dikumpul pula bersifat kuantitatif dan boleh dianalisis secara logik.

Secara khususnya, pendekatan deskriptif dipilih kerana pendekatan ini sesuai dengan tujuan kajian iaitu untuk menganalisis data yang akan digunakan melalui kaedah analisis peratusan menggunakan jadual yang bersesuaian bagi melihat tren perubahan jumlah guna tenaga dan pengangguran akibat pemboikotan McDonalds di Malaysia, sumbangan perniagaan ini dalam menjana pendapatan negara melalui cukai pendapatan, dan peratusan sumbangan jumlah hasilnya kepada McDonalds Corporation.

Kaedah deskriptif yang dijalankan oleh pengkaji adalah kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan adalah salah satu cara untuk mengumpul maklumat yang menerangkan sifat pelbagai data yang diperolehi dalam melaksanakan kajian. Maklumat yang diperolehi boleh digunakan untuk menyatakan keadaan sebenar situasi sosio-ekonomi dalam negara dalam konteks yang tersendiri. Maklumat yang digunakan juga boleh digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan yang telah dinyatakan pada awal kajian. Kajian tinjauan deskriptif ini bertujuan untuk menerangkan sesuatu keadaan atau bidang kajian dengan tepat, berpandukan fakta yang sebenar dan dilakukan secara sistematik.

ANALISIS HUKUM BOIKOT DAN KESANNYA TERHADAP GUNA TENAGA DAN PENGANGGURAN**Analisis Hukum**

Maslahah mursalah merupakan salah satu dalil yang tidak disepakati di kalangan ahli-ahli usul. Oleh itu, kehujahan masalah mursalah boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pendapat yang menerima dan pendapat yang menolak. Begitu juga pendapat ulama-ulama yang meletakkan hukum dalam memboikot produk Yahudi ini.

Pendapat Yang Menerima Masalah Mursalah Dalam kewajipan Terhadap Boikot

Terdapat beberapa ulama yang menerima masalah mursalah sebagai sumber pengeluaran hukum. Antaranya ialah Imam Malik, Imam Ahmad bin Hanbal dan juga Imam al-Ghazali. Namun begitu, hanya Imam Malik sahaja yang menerima masalah mursalah sebagai hujah mutlak. Walaupun demikian, golongan yang menerima masalah mursalah sebagai sumber pengeluaran hukum amat berhati-hati agar tidak berlaku pembentukan hukum berdasarkan keinginan dan nafsu.

Malahan, Masalah mursalah telah menjadi amalan para sahabat dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Permasalahan tersebut juga turut merangkumi hak individu. Contohnya isu pengumpulan al-Quran oleh khalifah Abu Bakar. Tujuannya ialah bagi menjaga kemaslahatan umat Islam. (Muhammad Ahmad Burkab 1994 : 135). Oleh itu, adalah wajib untuk memboikot sebarang barangan/produk daripada Yahudi dan Amerika untuk menjaga kemaslahatan umat Islam di Palestin dan sebagai satu protes terhadap pihak Yahudi untuk menghentikan jenayah mereka walaupun pada asasnya hukum bermuamalah dengan golongan bukan muslim adalah diharuskan.

Namun, masalah manusia dan cara merealisasikan berubah mengikut perubahan masa dan keadaan. Ini kerana nas adalah terhad sedangkan masalah yang dihadapi oleh manusia sentiasa berubah dan berkembang. Permasalahan tersebut memerlukan kepada hukum yang baru apabila menemui sesuatu perkara yang belum pernah dihukumkan sebelumnya. Oleh itu, keperluan kepada masalah mursalah dilihat amat perlu bagi menjaga kemaslahatan seluruh umat manusia. Apabila wujud isu-isu yang menunjukkan bahawa terdapat penganiayaan terhadap Islam, maka secara praktikalnya bahaya penindasan tersebut hendaklah dihapuskan sebagaimana menurut kaedah Fiqh bahaya mesti dihapuskan "al-Dharar Yuzaal" (الضرر يزال).

Menurut para ulama kontemporari, cara terbaik yang dikira aman pada zaman ini adalah dengan melakukan pemboikotan dari membeli barangan semua syarikat di bawah telunjuk mereka. Justeru, ia adalah salah satu cara yang paling berkesan buat orang awam Islam di seluruh dunia. Hal ini juga dijangkakan dapat memberi kesan ekonomi yang buruk kepada negara mereka sekaligus mengekang hasrat mereka untuk meneruskan sebarang penindasan dan serangan terhadap Islam.

Pendapat Yang Menolak Masalah Mursalah Dalam kewajiban Terhadap Boikot

Selain golongan yang menerima, terdapat juga golongan yang menolak masalah mursalah sebagai salah satu sumber pengeluaran. Antaranya ialah Imam Abu Hanifah dan juga Imam Syafie. Mereka mempunyai hujah yang tersendiri untuk menolak masalah mursalah.

Golongan ini menolak masalah mursalah sebagai sumber hukum kerana ianya akan membuka ruang kepada seseorang untuk mengeluarkan hukum tanpa berpandu kepada nas tetapi berdasarkan hawa nafsu. Ini kerana perkara tersebut tidak terdapat di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Pemboikotan ini adalah tidak selari dengan Al-Quran yang menyatakan:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil” (al-Mumtahanah, Ayat 8)

Namun, nas ini berubah dalam pembentukan hukum melalui Masalah Mursalah yang tidak dipersetujui mereka. Hal ini demikian kerana mereka berpendapat bahawa seseorang itu tidak terikat dengan nas dalam pengeluaran hukum dan boleh mengeluarkan hukum menurut hawa nafsu (Wahbah al-Zuhaili 2000 : 32).

Golongan ini juga berhujah bahawa beramal dengan masalah mursalah akan membawa hukum yang berbeza pada zaman yang berbeza. Perkara ini akan menafikan sifat umum perundangan yang diturunkan oleh Allah S.W.T yang ia bersesuaian pada setiap masa dan tempat (Zakiyy al-Din Sha’ban 1971 : 168). Hal ini dirujuk dengan hukum bermuamalah dengan golongan bukan Islam atau Yahudi dan Amerika secara khasnya yang diharuskan dalam Al-Quran.

Tarjih

Hukum boikot produk Yahudi dan Amerika ini tidaklah diwajibkan ke atas semua umat Islam sejagat, akan tetapi ianya lebih tepat ditetapkan sebagai satu usaha yang “digalakkan” sahaja. Usaha ini dianjurkan sekadar kemampuan umat Islam keseluruhannya tanpa memberi kemudharatan kepada diri sendiri dan masyarakat Islam yang lainnya. Sebagaimana dalil yang mengatakan:

الضَّرُورَاتُ تُبَيِّحُ الْمَحْظُورَاتِ

Ertinya: “Kemudharatan-kemudharatan itu dapat memperbolehkan keharaman”

Batasan kemudharatan adalah merupakan sesuatu yang mengancam kewujudan manusia yang berkait rapat dengan lima tujuan, iaitu memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara kehormatan atau harta benda. Jika sekiranya usaha boikot ini lebih memberi kemudharatan kepada umat Islam keseluruhannya, maka usaha ini tidak lagi digalakkan sebagaimana yang disebut:

الضَّرُّ لَا يُزَالُ بِالضَّرِّ

Ertinya: “Kemudharatan itu tidak dapat dihilangkan dengan kemudharatan yang lain”.

Selain itu, boleh juga digunakan dalil yang menyatakan:

إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ يُوعَىٰ أَعْظَمُهَا ضَرًّا بِأَرْبَابِ أَحَقِّهِمَا

Ertinya: “Apabila dua mafsadah bertentangan, maka perhatikan mana yang lebih besar mudaratnya dengan memilih yang lebih ringan mudaratnya”.

Dalil ini merumuskan bahawa masyarakat ataupun sesebuah institusi perlu membezakan di antara hukum dan keutamaan (*afdhaliah*). Jika boikot ini ternyata lebih banyak manfaatnya untuk kemaslahatan, maka harus dilaksanakan boikot. Namun, jika lebih banyak kemafsadatannya bagi masyarakat, maka ianya haruslah dipertimbangkan dengan teliti. Hal ini demikian kerana berkemungkinan terdapat pihak yang akan mengalami kerugian akibat pemboikotan ini lebih-lebih lagi terhadap marhaen yang dalam kesusahan. Sebagaimana usul fiqh yang telah disebutkan:

مَا لَا يُدْرِكُ جُلَّهُ لَا يُتْرَكُ جُلَّهُ

Ertinya: “Apa yang tidak dapat dicapai semua janganlah kemudian ditinggalkan semuanya”.

Analisis Deskriptif

Pemboikotan ini sememangnya memberi kesan negatif kepada jumlah guna tenaga, namun pada kadar yang sangat kecil iaitu 0.09 peratus. Pengurangan jumlah penyertaan tenaga buruh ini boleh ditampung

oleh pertumbuhan industry tempatan yang semakin berkembang dan mendapat nama di Malaysia. Namun, nilai sumbangan perniagaan ini dalam menjana pendapatan adalah agak besar mencapai RM30-RM50 juta setiap tahun. Sumbangan ini mampu menjana pendapatan negara dan membantu dalam perkembangan ekonomi negara. Malahan, pemboikotan perniagaan ini juga turut memberi kesan negatif dan menyebabkan golongan pembekal bahan mentah mengalami kerugian yang ketara.

IMPLIKASI DASAR

Pentadbir negara, penggubal dasar ataupun pihak berwajib dan masyarakat sendiri secara khususnya dapat lebih memahami akan hukum boikot dan menganalisis dengan baik sebelum membuat keputusan untuk memboikot McDonalds. Tambahan pula, pengusaha tempatan disedarkan untuk mengembangkan perniagaan sendiri dengan sokongan masyarakat dalam negara keseluruhannya supaya masyarakat dan negara tidak lagi bergantung kepada produk Yahudi dan Amerika.

KESIMPULAN

Dalam konteks Malaysia, pemboikotan ini hanyalah sekadar sebatas anjuran sahaja memandangkan tiada sebarang perintah daripada pentadbir yang berwajib untuk melaksanakan boikot. Tambahan pula, pihak McDonalds Malaysia telah menegaskan bahawa perniagaan itu tidak terlibat dalam sebarang sumbangan terhadap Jewish United Funds ataupun sebarang sumbangan secara langsung kepada Yahudi untuk memerangi umat Islam di Palestin. Namun, ianya masih dalam pegangan ataupun kepercayaan individu ataupun sesebuah institusi itu sendiri untuk membuat penilaian dalam membuat keputusan.

Walaupun pemboikotan ini tidaklah wajib dilaksanakan akan tetapi ianya tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Hal ini perlu digariskan bahawa walaupun ianya sekadar digalakkan, bukan bererti tidak perlu berusaha untuk memboikot. Usaha untuk memboikot tersebut masih tetap diperlukan selagi ianya masih dalam kemampuan. Usaha yang kecil adalah lebih baik daripada tidak berusaha sama sekali. Kepedulian masyarakat kepada saudara-saudara yang tertindas merupakan kepedulian terhadap permasalahan ummah, seperti kata Rasulullah ﷺ :

“Barangsiapa yang tidak mempedulikan urusan kaum Muslimin, maka ia bukanlah termasuk dari kalangan mereka”. (Hadis Riwayat Abu Daud)

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak pentadbir, institusi ataupun individu untuk lebih peka terhadap permasalahan ummah dan menyumbangkan usaha untuk memelihara kebajikan umat Islam seluruhnya.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Al-buti Muhammad Sacid Ramadhan. 2000. *Dawabit al-maslahah fi al-shariah al-Islamiyyah*. Beirut: al-Resalah Publishers.

Hanafi. 1970. *Pengantar dan sejarah hukum Islam*. Jakarta: Pustaka Bulan Bintang.

Al-kubaisi, Hamad 'Ubayd. 2009. *Usul al-Ahkam Wa Turuq al-Istinbat Fi Tasyri' al-Islami*. Damsyik : Dar al-salam

Muhammad Idris al-Marbawi. *Kamus al-Marbawi*. 1354H. al-Halabi: al-Qahirah.

Ramli SA. 1999. *Muqaranah mazahib fi al-usul*. Jakarta: Gaya Media Pratama.

Badriyah, Badriyah. 2009. *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Boikot Yang Dilakukan Organisasi Kemasyarakatan Islam Terhadap Produk-Produk Amerika*. Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya.

Anas bin Mohd Yunus et al. 2013. *An Analysis Of Fiqh al-Waqi' (An Understanding of Contemporary Problems) on the Rulling of Compulsory Boycott of KFC (Malaysia)*.

Ahmad Mahdzan Ayob. 1992. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, Edisi ke-2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

www.zaharuddin.net, Disunting pada 23 March, 2015.

<http://www.inminds.com/boycott-mcdonalds.html>, Disunting pada 30 March, 2015.

<http://www.bdsmovement.net>, Disunting pada 30 March, 2015.

`Abd al-Karim Zaydan, *al-Mufa'lal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim* (1994), al-Mu'assah al-Risalah, Beirut.

Adam B. Cordover (2007), *Impact of U.S. Policy on the Arab League Boycott of Israel*, (Kertas Kajian).

Ahmad Bu`ud, (2006), *Fiqh al-Waqi'*, Usul wa Oawabit, Dar al-Salam, Misr.

al-Qaradawi, Yusuf, (1997), *Fiqh Peradaban: Sunnah Sebagai Paradigma Ilmu Pengetahuan*, Faizah Firdaus(trans.) Surabaya, Dunia Ilmu.

LAMPIRAN

TAHUN	GUNA TENAGA	PENGANGGURAN	JUM. HASIL GARSB (RM)	JUM. HASIL MCD. CORP (USD)	TEN. BURUH GARSB	JUM. FRANCAIS MALAYSIA	CUKAI YANG DIBAYAR (RM)
2009	10897300	418000		22745000000		103	
2010	11899500	404400		24075000000	7000	172	
2011	12284400	391400		27006000000			
2012	12723200	396300	1,109,405,000	27567000000		235	43,164,000
2013	13210000	424600	1,194,717,000	28106000000		245	48,657,000
2014	13440900	446400	1,251,352,000	27441000000	12000	270	39,635,000